

10 FEB 2001

Mahathir-Puteri

PUTERI UMNO DITUBUH HARI INI DENGAN KEANGGOTAAN BAWAH 35 TAHUN

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno bersetuju menubuhkan Puteri Umno bermula hari ini dan menetapkan had umur keanggotaannya 35 tahun ke bawah, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya bersetuju Puteri Umno ditubuhkan bermula hari ini dan had umurnya 35 tahun ke bawah," kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat UMNO di sini.

Dr Mahathir berkata sebuah jawatankuasa penaja di peringkat pusat ditubuhkan dan jawatankuasa itu akan menubuhkan Puteri Umno di peringkat pusat dan di peringkat negeri.

Sebelum ini, Pergerakan Wanita Umno yang diketuai Datuk Seri Rafidah Aziz dalam mesyuarat Exco pergerakan itu pada 15 Dis lepas bersetuju menetapkan had umur keanggotaan Puteri Umno kepada 30 tahun ke bawah.

Rafidah berkata ia adalah persetujuan bersama yang mencerminkan keseluruhan pandangan Wanita Umno kerana ia mewakili semua bahagian dan negeri.

Rafidah, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, juga dipetik sebagai berkata bahawa cadangan lain untuk Puteri Umno termasuk mempunyai pakaian seragam sendiri dan lagu sendiri.

Pada 12 Jan lepas, Dr Mahathir berkata mesyuarat MT menangguhkan sementara keputusan mengenai penubuhan Puteri Umno kerana perbincangan mesyuarat itu banyak tertumpu kepada isu penyatuan dan perpaduan orang Melayu.

-- BERNAMA

SHS AKT AKD